# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 42 | RABU 15HB OKTOBER, 1980. | 1400 رابو 5 ذوالحجة | PERCHUMA




YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah menyampaikan hadiah kemenangan kapada Awg Ady Kasdeny bin Matali, johan Bahagian 'A'.

## Peraduan kanak2 sehat anjoran WI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah berangkat ka-upachara penyampaian hadiah kapada pemenang2 Peraduan Kanak2 Sehat yang berlangsong di-Pusat Belia di-sini Juma'at lepas.

Sa-ramai lebeh dari 300 kanak2 telah menyertai peraduan yang di-anjorkan oleh Pertubohan Perkumpolan Wanita Brunei, chawangan Daerah Brunei-Muara, bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun.

Peraduan tersebut terbahagi kapada empat bahagian. Dalam bahagian A, tempat pertama di-menangi oleh Awang Ady Kasdeny bin Matali, dan bahagian B di-menangi oleh Noralimin bin Haji Junaidi. Sementara itu, Shahiran Sherrifuddin bin Shahrani Muhamad telah berjaya sa-bagai johan dalam bahagian C, dan Abd. Latif bin Amit johan dalam bahagian D.

Terdahulu dari itu, Pengerusi Peraduan Kanak2 Sehat, Dy. Mariam bte Abdullah, telah memberikan uchapan alu2an. Dalam uchapan-nya, Dy. Mariam menjelaskan bahawa dalam tahun 1980 Pertubohan Perkumpolan Wanita telah berjaya mengadakan Peraduan Kanan-Kanak Sehat perengkat daerah dan berchadang akan mengadakan peraduan ini di-perengkat sa-negeri.

Turut hadhir di-majlis tersebut ia-lah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Taiyibah Qalbul Bolkiah, Isteri Yang Berhormat Menteri Besar, Isteri Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Hj. Kemaluddin, Datin Hajjah Jusnani dan penasehat WI.

## KAUM WANITA DI-INGATKAN:

# JANGAN MENJADI PAK TURUT

Oleh : AISHAH PIEE

**BANDAR SERI BEGAWAN.—Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Ja'afar, telah mengingatkan kapada kaum wanita supaya jangan menjadi 'Pak turut' atau mahu di-anggap sa-bagai sa-orang yang berkelibar dan serba boleh dengan meniru sikap atau apa yang orang lain buat.**



Dato Paduka Haji Abdullah

"Maju dan mundor-nya sa-sebuah negara itu ada-lah sa-bahagian-nya terletak pada tinggi dan rendah maruah kaum wanita-nya", tegas beliau, dalam uchapan-nya merasmikan Pameran Urusan Rumahtangga anjoran PERTIWI yang telah di-langsongkan di-Pusat Belia di-sini Ahad lepas.

Beliau juga menambahkata, bahawa kalau di-negara barat wanita menuntut hak-nya atau "Woman's Lib" kerana sa-suatu maksud yang tertentu dan kita di-sini pula bukan-nya tidak boleh berbuat demikian, akan tetapi hendak-lah terlebeh dahulu kita kaji, apa-kah ia-nya boleh di-lakukan dengan tidak berchanggah dengan tata susila ugama, negara dalam sifat ketimoran kita, dan tidak akan mengabaikan tugas di-samping rumah-tangga kita.

"Jangan-lah kita mengambil sikap sa-bagai 'Pak Turut' atau mahu di-anggap sa-bagai sa-orang yang berkelibar dan serba boleh dengan meniru sikap orang lain boleh buat", tegas-nya lagi.

Menyentoh dengan pameran tersebut, beliau menjelaskan bahawa kerjasama dan sifat bahu membahu ada-lah diharap2kan dalam memberikan sa-tiap apa jua bentok sumbangan, baik yang berupa tenaga, dayafikir, usaha dan sa-bagai-nya kapada negara.

Terdahulu dari itu, Dato Paduka Haji Abdullah menjelaskan betapa kerjasama dan persafahaman perlu di-perkukohkan lagi, baik persafahaman individu, kesatuan-kesatuan mahu pun organisasi2 di-samping tujuan asal mereka, memandangkan negara kita yang akan menchapai kataraf Kemerdeka'an dan kita akan bertemu dengan tugas2 dan tanggongjawab yang berat dan menchabar.

Pada memenohi hasrat sa-demikian, tambah beliau, satu chontoh telah di-buat di-mana pameran sa-rupa ini telah di-adakan di-Daerah Belait, di-kendalikan bersama oleh Persatuan PERTIWI, Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait dan WI Brunei.

Dato Paduka Haji Abdullah mengingatkan supaya pameran serupa ini tidak hanya di-jadikan satu peraduan semata2 memileh siapa yang menjadi pemenang dan di-anggap sa-bagai sa-orang yang chukup pandai dalam menyediakan jenis makanan yang lazat atau sa-orang yang mahir dalam kerja tangan. Tetapi ada-lah diharapkan agar aktiviti sademikian itu akan di-pergiatkan lagi di-masa2 akan datang dalam apa jua jenis bentok-nya yang lain, tambah-nya lagi.

Ada-lah di-fahamkan bahawa pameran tersebut di-anjurkan buat ketiga kali-nya oleh PERTIWI sempena memperingati Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Yang Ke-34 tahun.

## Seminar Nikah Cherai

BANDAR SERI BEGAWAN.—Satu Seminar Nikah Cherai dan Gerakan Tabligh bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang seluroh negeri akan di-adakan pada 17hb Nobember depan.

Seminar sa-hari itu ada-lah bertujuan untok memberikan ma'alumat mengenai nikah cherai/gerakan tabligh selain daripada membinchangkan masa'alah2 dengan maksud mendapatkan huraian2-nya berhubong dengan tugas2 tersebut.

Ia-nya di-anjorkan oleh Bahagian Penerangan, Jabatan Setia Usaha Kerajaan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Pejabat2 Daerah.

## Upachara mula pembenaan tiga jabatan Kerajaan

BERAKAS. — Satu upachara perasmian pembenaan bangunan baru bagi tiga buah jabatan2 Kerajaan telah di-langsongkan di-sini Sabtu lepas. Jabatan2 itu ia-lah Jabatan Pelajaran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan Jabatan Odit.

Kerja2 ka-atas pembenaan tersebut telah pun bermula sejak dua bulan yang lalu dan di-jangka siap menjelang akhir tahun 1982.

Projek yang menelan belanja $13 juta ini sedang ranchak di-jalankan di-satu kawasan sa-luas 10 ekar berdekatan dengan lapangan terbang lama.

Sharikat Pembangunan Mak Kum Wah Limited telah di-amanahkan oleh pehak Kerajaan sa-bagai kontrektor yang menyelenggarakan projek tersebut melalui firma perunding Bolton Hennessey Private Limited.

Upachara menabor duit siling tahun 1980 dan mengisi simen ka-dalam lobang bagi menandakan bermula-nya pembenaan bangunan tersebut telah di-dahului oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat dan di-ikuti oleh ketua2 jabatan berkenaan.

## Manis-nya Iman

**SAYIDATUNA 'Aishah mencheritakan bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah s.a.w. berdo'a: "Ya Allah! Barang siapa yang memikul tanggongjawab urusan umatku lalu dia bersikap lemah lembut terhadap mereka maka Engkau korniakan-lah rahmat kapada-nya." HADITH Nabi riwayat Muslim.**

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

15HB OKTOBER, 1980

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENYUSUNAN KEMUDAHAN PENTADBIRAN

SEBARANG sistem pentadbiran tidak akan dapat di-laksana dan di-kesankan dengan baik menurut apa yang di-jangkakan jika kemudahan2 untok tujuan itu tidak di-ambil berat tambahan lagi jika kemudahan2 itu langsong tidak ada.

Dalam hal-ehwal pentadbiran, sa-tiap puchok pimpinan-nya senantiasa mengharapkan ujud-nya satu tenaga kerja yang benar2 dapat memberikan sumbangan perkhidmatan yang dapat menemui kehendak negara termasok perkhidmatan terhadap masharakat. Di-pehak yang di-tadbir pula ia-itu negara dan masharakat di-dalam-nya sudah barang tentu mengkehendaki kelichinan dalam sebarang perkara yang di-tadbir.

Untok ini tidak saja tenaga yang chekap di-kehendaki bahkan juga dan turut mengambil peranan yang penting ia-lah kemudahan2 untok melaksanakan sa-suatu kerja itu. Ketiadaan kemudahan atau kurang-nya kemudahan boleh saja menjejaskan kelichinan sa-suatu kerja itu dan jika ia-nya tidak lichin atau tidak dapat berjalan dengan sempurna tentu ada sebab-nya. Maka ketiadaan atau kurang-nya kemudahan ada-lah antara sebab-musabah-nya.

Menyedari akan betapa penting-nya kemudahan2 itu, sa-tiap jabatan telah dan akan terus di-lengkapi dengan alat2 kemudahan yang dapat menchekapkan lagi mutu kerja dan mengesankan perkhidmatan yang segera.

Keselesaan tempat bekerja juga merupakan faktor yang dapat memberikan pengaroh2 lichin tidak-nya sa-suatu tugas itu. Sunggoh pun ada orang biasa bekerja di-tempat2 yang tidak begitu selesa dan dapat menghasilkan mutu kerja yang baik, tetapi bilangan mereka itu mungkin lebeh kechil dari pekerja2 yang mengkehendaki tempat bekerja yang bagus dan bersuasana yang menyenangkan lagi nyaman. Di-pandang kapada trend yang ada sekarang, maka dapat di-simpulkan bahawa rata2 diri kita mahukan tempat bekerja yang bagus itu dan lebeh ramai yang tidak gemar bekerja sa-chara menumpang2 atau berkongsi tempat.

Tetapi dalam keadaan pembangunan negara kita yang ada sekarang ini, perkara yang sa-umpama itu tidak lagi akan merupakan satu antara beberapa masaalah pentadbiran, kerana usaha2 sedang dan akan terus berjalan bagi mengatasi masaalah kemudahan ini.

Dalam minggu ini, satu upachara rengkas memulakan pembenaan kompleks tiga jabatan Kerajaan telah di-langsongkan. Kompleks ini akan menempatkan Jabatan Pelajaran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan Jabatan Odit. Pembenaan kompleks ini ada-lah dalam kawasan bekas Lapangan Terbang Lama di-Berakas dan akan memakan belanja sa-banyak $13 juta. Kompleks ini di-jangka siap sa-belum tahun Brunei merdeka.

Di-samping pembenaan kompleks tiga jabatan ini, di-yakini akan munchol lagi beberapa kawasan baru untok menempatkan jabatan2 Kerajaan yang mendudoki bangunan2 sementara yang dalam suasana sekarang mungkin tidak lagi chuchok berada lebeh lama di-tempat masing2.

Saperti hal-nya dengan tiga jabatan itu, maka tempat2 baru itu berkemungkinan besar tidak akan bertumpu semata2 di-sekitar Bandar Seri Begawan yang sudah sedia sesak itu. Langkah melaratkan bangunan2 jabatan Kerajaan keluar bandar itu akan dapat membantu mengurangkan kesesakan bandar dan sekaligus akan membisaikan lagi susunan pembangunan negeri. Ini juga akan dapat membesarkan kawasan dan penggunaan yang bijaksana terhadap kawasan hutan2 kechil yang berdekatan yang tidak mengeluarkan sebarang hasil.

# PADA HEMAT SAYA....

## ROKOK: BENCHI2-SAYANG

> "DUNIA yang benchikan perangai merokok pun nampak-nya tetap sayangkan rokok. Sa-tengah2-nya macham benchi2-sayang lalu dalam praktis-nya rokok dan merokok itu sama2 di-larang dan di-suroh . . . . "

*KITA orang2 yang merokok telah di-beri kata dua dan di-suroh memileh antara: merokok atau kesihatan.*

Pilehan itu tentu berat. Tapi itu-lah yang di-tawarkan kapada kita oleh orang2 yang 'arif lagi 'alim dalam bidang kesihatan.

Dan sa-hingga sekarang ramai kita yang belum membuat pilehan. Kita maseh menimbang2 walau pun kita telah di-perlihatkan gambar hudoh 'isi dada' orang yang merokok dengan serba serabut jelaga hitam, ngeri dan menakutkan.

Entah bila-kah keputusan muktamad akan di-buat sa-kali pun kita telah juga di-beritahu bahawa sa-tiap sa-batang rokok yang di-hisap mengurangkan enam minit umor kita!

### GAMBAR

*Berbagai2 fikiran dan perasaan mengganggu. Iklan 'anti merokok' yang di-lihat chukop dengan perangkaan2. Kata2 yang di-dengar dan di-bacha chukop memelanjatkan — bukan saja menakutkan.*

Kita terperanjat dan berbelah bahagi antara perchaya dengan tidak betapa umor kita boleh 'di-pendekkan' oleh sa-batang rokok!

Yang kita ketahui (dan juga kita yakini) panjang pendek umor itu bergantung kapada *sengkat* atau *lanjar-nya* ajal (tempoh) yang di-tetapkan oleh Allah s.w.t.

Dan kita tahu (lagi perchaya): apabila tiba ajal tidak siapa dapat menanggoh atau memperchepatkan-nya walau sa-detik.

Tentu-lah antara yang tidak dapat menanggoh dan memperchepat itu ia-lah juga benda bernama rokok.

### SEBAB

Kita mungkin mudah menerima kebenaran bahawa ajal itu tiba dengan sebab2 tertentu. Mithalnya, dengan sebab kerana sakit-lah, dengan sebab accident kereta-lah. Dan ada yang mati 'tapunduk' sebab 'putus jantung', dan berbagai2 lagi sebab termasok-lah mati sakit cancer yang antara punchanya ia-lah rokok dan merokok.

*Maana-nya sunggoh jelas: semua itu chuma sakadar menjadi sebab kematian, bukan-nya berkuasa mematikan.*

Chontoh2 sa-balek-nya jelas menunjokkan betapa orang sakit tenat sampai lahip bertahun2, betapa orang terlibat dalam accident sampai patah-mematah dan putus-memutus, tapi maseh ada yang hidup!

Sama-lah hal-nya: betapa orang yang tidak pernah merokok sa-umor hidup-nya pun ada yang mati muda. Malah kanak2 dalam perut pun ada yang mati sa-belum pun ia sempat mengenal benda bernama rokok itu!

### BETUL

*Sa-betul dan sa-baik2-nya memadai kita di-suroh memileh itu: merokok atau kesihatan Tentu kita memileh kesihatan.*

Chuma kalau maseh juga 'achong-achong dengan sigup' bukan maana-nya kita memileh maut, sebab sa-benar-nya kita belum lagi membuat keputusan muktamad.

Al-maalum saja-lah merokok itu lebeh mirip kapada perangai dan kebiasaan. Bukan-nya mudah membuang dan mengubah apa2 yang sudah terbiasa dan menjadi perangai. Kena-lah sabar, kena-lah beransur2 lagi perlahan2.

Tidak mustahil esok lusa kita akan berhenti dari merokok. Saperti tidak mustahil-nya kita berhenti dari sa-barang perangai burok. Chuma beza-nya merokok itu tidak pula mutlak di-senaraikan dalam senarai perangai-perangai burok, sebab itu-lah ramai kita yang merokok ada-lah orang2 yang baik perangai belaka!

Dunia yang benchikan perangai merokok pun nampak-nya tetap sayangkan rokok. Sa-tengah2nya macham benchi2-sayang, lalu dalam praktis-nya rokok dan merokok itu sama2 di-larang dan di-suroh. Apa tidak-nya? Industeri rokok dan iklan melariskan-nya sama giat — yang dalam masa yang sama kempen 'menakut2-kan' merokok pun sama ligat.

### BERITA

Berita terakhir tentang rokok ini lagi memeranjatkan. Di-Singapura, kajian-kajian yang di-jalankan oleh *Persatuan Pengguna2 (Consumers' Association)* di-pulau itu mensahkan bahawa rokok2 yang di-jual di-sana di-dapati mengandongi lebeh banyak *nicotine* dan *tar* daripada yang di-pasarkan di-Amerika Sharikat. — (Sila lihat kadar-nya dalam rajah potongan akhbar The Straits Times, Jumaat 10hb. Oktober, yang menyiarkan berita berkenaan).

Yang memeranjatkan itu ia-lah laporan2 yang sharikat2 tembakau berbilang bangsa di-negeri2 yang telah membangun yang menghadapi kemerosotan jualan di-dalam negeri masing2 mendapati 'negara2 dunia ketiga ada-lah pasaran yang ideal untok 'tempat pembuangan' rokok2 mereka!

Bukan-kah berita itu memeranjatkan?

Rupa-nya 'dunia ketiga' kita yang mundur atau sedang membangun ini menjadi tempat pembuangan rokok, dan kita yang merokok menerima rasiko yang lebeh dahsat dari orang2 di-negara2 pembuat rokok yang sudah maju itu. Kadar dahsat-nya itu di-katakan ia-lah antara 2 — 4 kali lebeh dari rokok2 yang ada di-pasaran mereka.

Kalau berpandukan bahawa merokok itu berbahaya, dan antara bahaya-nya ia-lah menyebabkan banyak kematian, maka kita yang merokok di-sa-belah dunia 'bawah angin' ini rupa-nya lebeh banyak akan mati di-sebabkan oleh rokok2 yang 'di-kirimkan' kapada kita.

Alangkah kita ini rupa-rupa-nya menerima 'bungkusan maut' dari kilang2 industeri rokok di-negeri2 atas angin itu!

Maka tak hairan pula kalau nanti kita akan di-beri kata dua: *mati atau hidup*, bukan lagi: *merokok atau kesihatan*.

*Tapi apa pun nanti pilehan di-buat pastikan-lah terus yang kita sedia yakin lagi perchaya bahawa rokok itu chuma boleh menjadi sebab kematian, bukan-nya sampai berkuasa memendekkan umor. — Ketua Pegawai Penerangan.*

**CONSUMERS' ASSOCIATION OF SINGAPORE'S CIGARETTE TEST RESULTS OF 12 SINGAPORE BRANDS**

| Brand | Type | Price of A 20-Stick Box | Country Of Manufacture | Tar mg/cigarette | Nicotine mg/cigarette |
|---|---|---|---|---|---|
| Abdulla 37 | King Size Filter | $1.40 | S'pore | 31 | 1.8 |
| Benson & Hedges | Special Filter | $1.60 | S'pore | 31 | 2.1 |
| Camel | Regular | $1.70 | U.S.A | 27 | 2.0 |
| Consulate | Methol White Tip | $1.50 | S'pore | 28 | 1.6 |
| Dunhill | King Size Filter | $1.60 | S'pore | 30 | 1.7 |
| Kent | Filter Tip, King Size | $1.80 | U.S.A. | 19 | 1.1 |
| Lucky Strike | Plain | $1.70 | U.S.A. | 23 | 1.2 |
| Marlboro | Flip-Top Box | $1.80 | U.S.A. | 21 | 1.2 |
| Peter Stuyvesant | King Size Filter | $1.50 | S'pore | 33 | 2.1 |
| Rothmans | King Size Filter | $1.50 | S'pore | 32 | 1.9 |
| Winston | Filter | $1.70 | U.S.A. | 23 | 1.4 |
| 555 | Filter Kings | $1.50 | S'pore | 30 | 2.2 |

**POTONGAN akhbar: kadar 'nicotine' dan 'tar' yang terdapat pada berbagai2 jenis rokok. Kadar itu di-katakan lebeh tinggi daripada rokok yang di-pasarkan di-Barat. Maka bahaya menghisap rokok di-sini lebeh besar dari di-Barat!**



KEDUA-DUA Pengantin Diraja, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah dan Yang Mulia Pengiran Anak Muhammad Bey Muntassir bersanding di-Istiadat Muleh Tiga Hari.



KELIHATAN YAM Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pg Anak Idris, YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Mohd. Yusof dan YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin (Peguam Negara Brunei), sedang berdiri tegak ketika Lagu Kebangsaan Brunei di-mainkan di-Istiadat Persantapan.

# ISTIADAT MULEH TIGA HARI PENGANTIN DIRAJA

Oleh : JA'AFAR IBRAHIM

ISTIADAT Muleh Tiga Hari telah di-langsongkan di-Balai Singgahsana Istana Darul Hana, pada malam Rabu lepas bila mana mempelai lelaki Diraja, Yang Mulia Pengiran Anak Muhammad Bey Muntassir bin Pengiran Indera Makhota Pengiran Muda Haji Kemaluddin pulang dari tempat kediaman-nya di-Jalan Ong Sum Ping ka-Istana Darul Hana.

Ketibaan mempelai lelaki di-Balai Singgahsana di-iringi oleh Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibon Nabalah, Pengiran Haji Damit bin Pengiran Metussin bagi istiadat bersanding.

Doa selamat bagi menandakan sempurna-nya istiadat yang penoh gemilang dan adat istiadat itu telah di-bachakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.

Istiadat pada malam itu kemudian-nya di-susuli dengan Istiadat Persantapan Perkahwinan Diraja yang di-langsongkan di-Taman Istana Darul Hana.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berangkat berchemar duli ka-istiadat tersebut.

Turut berangkat ka-istiadat itu termasok-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah serta lain2 kerabat2 Diraja.

Hadhir sama di-istiadat itu ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, YB Pemangku Setia Usaha Kerajaan, YAM Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat serta pegawai2 kanan kerajaan.

Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja juga telah membachakan doa selamat di-istiadat persantapan itu. Turut menyerikan istiadat itu ia-lah Pasokan Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei.

Sementara itu, Istiadat Menutop Gendang Jaga-Jaga bagi perkahwinan Diraja itu telah di-langsongkan di-Istana Darul Hana dan juga di-tempat kediaman mempelai lelaki di-Jalan Ong Sum Ping di-ibu negeri pada hari Khamis 9hb Oktober yang lalu.



KEDUA mempelai Diraja berangkat untok menghadhiri Istiadat Persantapan Diraja, yang telah di-langsongkan di-Taman Istana Darul Hana. Sementara gambar bawah ketibaan mempelai lelaki di-Balai Singgahsana di-iringi oleh YAM Pengiran Perdana Cheteria Laila Diraja Sahibun Nabalah Pengiran Haji Damit bin Pengrian Metussin bagi istiadat bersanding.







KELIHATAN para jemputan khas menadah tangan ketika do'a selamat yang menandakan sempurna-nya Istiadat Muleh Tiga Hari, yang di-bachakan oleh Mufti Kerajaan.

# MBB anjorkan kursus asas kepimpinan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia Belia Negeri Brunei dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan akan menganjorkan satu kursus asas kepimpinan belia yang akan di-adakan di-Pusat Belia di-ibu negeri di-sini pada awal bulan Nobember depan.

Kursus yang merupakan kali pertama di-anjorkan oleh MBB itu akan di-adakan sa-lama sa-minggu yang akan bermula dari 1hb. Nobember.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz di-jangka akan merasmikan kursus itu sementara penyampaian sijil2 di-jangka akan di-lakukan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Setiausaha Agong MBB itu, Awang Mustafa bin Haji Abd. Rahman menyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa tujuan di-adakan kursus sa-umpama itu ia-lah pada memberikan pengetahuan dengan chara memberikan tunjok ajar sa-chara sharahan dan soal jawab serta ajaran2 amali mengenai dengan konsep2 kepimpinan dan peranan2 yang timbul dari konsep kepimpinan.

Sa-ramai 60 orang peserta yang terdiri dari kalangan pemimpin2 baru persatuan2 belia dan kebajikan di-seluroh negeri akan di-pileh untok mengikuti kursus itu.

Dari jumlah itu sa-ramai 20 orang peserta ada-lah dari Daerah Brunei dan Muara, 15 orang dari Daerah Tutong, 15 orang dari Daerah Belait dan yang lain-nya sa-ramai 10 orang akan di-pileh dari Daerah Temburong.

Borang2 permohonan untok menyertai kursus ini boleh di-perolehi dari sekarang dari Awang Salleh bin Abdul Latif, Pejabat Imigeresen, Brunei; Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Tutong; Awang Ismail bin Apong, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kuala Belait dan Awang Md. Dayang bin Salleh, Bangar Temburong.

## Berkursus ka-HK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang anggota pasokan Pulis Diraja Brunei telah berlepas ka-Hong Kong pada minggu lalu untok mengikuti satu kursus di-Sekolah Outward Bound di-tanah jajahan itu.

Mereka ia-lah Pulis Wanita Kopral Musnah binte Muli dan Pulis Wanita Zainab bte Laeh.

Mereka akan berada di-sana sa-lama tiga minggu.

# PROJEK PEMELIHARAAN AYER TAWAR DI-KG RAMPAYOH



PEMANDANGAN kolam ikan seluas satu ekar itu.





DARI ruang saloran ini-lah ayer di-masokkan ka-dalam kolam ikan tersebut. Bekalan ayer di-perolehi dengan menggunakan pam dari Sungai Rampayoh yang terletak chuma beberapa ela daripada kolam itu.

AWANG Hassan Louis, ketika membuat lawatan ka-tapak projek tersebut (kiri).

Oleh : SHADOON LAMZI

LABI. — Projek pemeliharaan ikan tawar jika di-berikan perhatian yang meluas, tidak dapat di-sangkal akan memberikan hasil yang besar kapada pengusaha-nya.

Pemeliharaan ikan-ikan jenis ini sudah tentu tidak akan menghadapi saingan daripada mana2 pehak memandangkan kurang-nya para individu atau pun enterprise lain yang mengusahakan-nya dalam bidang ini.

Kampong Rampayoh chuma terletak kira2 51 batu dari Kuala Belait dan dalam sedikit masa lagi kawasan pendalaman ini akan berkembang sa-bagai sa-buah kawasan pertanian.

Salah satu projek tani yang ketara sudah di-kerjakan ia-lah pemeliharaan ikan2 ayer tawar yang di-kendalikan oleh Sharikat Kerjasama Peladang Kampong Rampayoh. Projek yang julong2 kali di-selenggarakan itu mendapat bantuan dari tiga buah jabatan Kerajaan ia-itu Jabatan Pertanian, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Kerjasama.

Kerja2 pembesaran ka-atas kawasan projek itu telah pun selesai dan salah sa-buah dari kolam itu telah pun siap di-bena.

Setia Usaha Sharikat Kerjasama Peladang Kampong Rampayoh, Awang Hassan Louis, menyatakan bahawa tiga buah Jabatan Kerajaan telah membantu menyelenggarakan projek tersebut.

Kata-nya, Jabatan Pertanian akan menyediakan anak2 ikan serta kemudahan-kemudahan lain. Jabatan Kerja Raya bertanggong-jawab dalam kerja2 pembersehan dan menggali lobang untok kolam saperti yang dapat di-lihat sekarang sementara Jabatan Kemajuan Kerjasama membantu dalam bidang pentadbiran dan pengurusan akan mereka jalankan.

Ikan2 yang akan di-pelihara itu nanti ia-lah ikan2 jenis Tilapia, Giant Gourami, Lampam Jawa, Grass Carp serta Silver Carp. Ikan2 jenis ini chepat membesar dan menchapai berat sa-hingga lapan kati.

Menurut salah sa-orang pegawai dari Jabatan Kemajuan Kerjasama, Awg Ibrahim bin Jalil, hasil2 dari projek itu nanti akan di-jual kapada orang ramai oleh Sharikat Kerjasama Peladang itu sendiri tanpa melalui orang tengah.

Kata-nya, Sharikat itu telah pun memohon untok membena sa-buah gerai di-satu tempat berdepanan dengan projek tersebut untok menjual hasil ternakan mereka.

"Ikan2 ayer tawar di-jual dengan harga yang baik di-pasaran dan saya yakin projek tersebut akan terus maju ka-hadapan di-samping akan menjadi chontoh kapada mereka yang ingin membuka perusahaan yang serupa di-masa2 yang akan datang," tambah Awang Ibrahim.

Projek ini ada-lah merupakan projek yang pertama di-kendalikan oleh sa-buah Sharikat Kerjasama di-Daerah Belait.

# Derma utk anak2 yatim dan org2 buta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemandu2 Bas Daerah Brunei dan Muara telah mendermakan wang tunai sa-jumlah $240.00 kapada Tabong Anak2 Yatim Daerah Brunei dan Muara.

Wang tersebut telah di-serahkan oleh wakil persatuan itu kapada Awang Sidek bin Yahya, Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan pada minggu lalu. (gambar bawah).

Sementara itu, Tabong Orang2 Buta telah menerima derma sa-jumlah $500.00 daripada Sekolah Antarabangsa Brunei.

Derma berkenaan telah di-sampaikan oleh Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hammer kapada Pemangku Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan.

Kedua2 upachara penyampaian derma tersebut telah di-langsongkan di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-ibu negeri di-sini pada hari Isnin 6hb. Oktober yang lalu.



# Pameran bunga2 hidup anjoran WI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubohan Perkumpolan Perempuan Brunei akan menganjorkan satu Pameran Bunga2 Hidup kali ke-9, bersempena dengan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan yang ke-34 tahun.

Pameran tersebut akan di-adakan mulai 19hb. Oktober hingga 20hb. Oktober, 1980 bertempat di-Dewan Bandaran di-Ibu Negeri pada pukul 10.30 pagi.

Pameran terbahagi kapada tiga bahagian ia-itu bahagian bunga2 Okid, bunga2 biasa (outdoor and indoor plants) dan gubahan bunga2 hidup.

Bunga2 hidup hendak-lah di-hantar pada 18hb. Oktober, 1980 mulai jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, manakala gubahan bunga2 hidup hendak-lah di-hantar ka-Dewan Pameran pada 19hb. Oktober, sa-belum pukol 7.30 pagi.

Peserta2 yang memerlukan kenderaan bagi pengangkutan hendak-lah menghubongi Pengerusi Pameran di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-Ibu Negeri.

# NELAYAN BERSAMA BEBASKAN DIRI DARI "TAUKEH"

Oleh : SHADOON LAMZI

BUKAN KOKOK AYAM yang membangunkan mereka dari tiduran; belum pun matahari menampakkan chahaya-nya, Sungai Belait sudah di-kachau oleh ombak bikinan perahu kaum nelayan yang pergi ka-laut di-dalam sa-tiap musim lautan tiada bergelora. Tengkujoh, dengan hembusan angin kenchang berserta gelombang meninggi bukit, ada-lah musim rezeki menjauhkan diri dan para nelayan termangu menunggu ketiadaan-nya.



"KEADAAN yang kami rasakan lebeh baik daripada dulu," Mohammad Noh.



KETIKA ombak besar, Mohammad Noh memperbaiki segala kerosakan perahu-nya.

Dari 63,000 orang pendudok di-Daerah Belait ini chuma kira2 100 orang sahaja di-antara mereka yang hidup dengan penghasilan yang mereka perolehi daripada menangkap ikan.

Untong-lah, kesedaran untok memperbaiki lagi taraf kehidupan mereka chepat timbul dan di-dalam bulan Mach 1977 satu koperasi nelayan yang di-namakan Sharikat Kerjasama Nelayan Mukim Belait telah di-tubohkan oleh sebilangan kechil daripada nelayan2 yang bernafas di-daerah ini.

Sharikat Kerjasama Nelayan Mukim Belait terus memainkan fungsi-nya sejurus selepas penubohan-nya. Di-dalam tahun 1978 sharikat tersebut telah berjaya menarek perhatian para nelayan lain di-sini dan 62 orang telah mengahlikan diri mereka kapada sharikat ini setahun selepas penubohan-nya.

**ORANG TENGAH**

Kebanyakan daripada 62 orang ini mempunyai hutang-piutang kapada "taukeh2" mereka dan sharikat ini tampil kehadapan untok membebaskan mereka daripada orang2 tengah ini dengan membayar balek segala hutang2 tersebut sa-belum menerima keahlian nelayan-nelayan itu.

"Salah satu daripada objektif penubohan sharikat ini ada-lah untok membebaskan nelayan2 di-sini daripada di-exploitasikan oleh orang2 tengah, memberikan kemudahan pinjaman kewangan dengan di-kenakan "interest" yang kechil untok membeli perkakas2 menangkap ikan kapada ahli2-nya seterus-nya apabila sudah berkemampuan, untok membeli kapal2 yang besar sedikit dan di-lengkapi dengan peralatan-peralatan yang moden," jelas salah sa-orang ahli sharikat tersebut apabila kami temui baru2 ini.

Setiap pertolongan dalam menghidupkan usahasama niaga ini tidak dapat di-sangkalkan, sentiasa diberikan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama didaerah ini sehingga-lah skop perkembangan-nya terus melangkah kehadapan dari tahun ka-tahun.

Dari buku kira-kira Sharikat Kerjasama Nelayan Mukim Belait yang kami dapati daripada Jabatan Kemajuan Kerjasama dengan bantuan Awang Abdul Hamid Hussain, Penyelia Kanan jabatan tersebut menunjokkan satu kemajuan yang besar terhadap perjalanan sharikat tersebut.

"Sharikat nelayan ini telah menchatetkan jualan sebanyak $197,423.00 dan mendapat keuntongan kasar lebeh daripada $24,000 pada tahun lepas dan ini menggambarkan satu kejayaan yang di-tempohi oleh sharikat ini," jelas Awang Abdul Hamid.

Tangkapan ikan yang di-perolehi oleh ahli2-nya terus di-beli oleh sharikat ini dan di-jual kapada orang ramai dengan harga2 yang berpatutan.

Setiap jualan ahli2-nya di-chatet dan mereka kemudian-nya menerima "incentive" atau pun bayaran sagu hati berlandaskan peratus wang perolehan mereka di-dalam satu tahun dan pemberian incentive ini telah dimulakan sejak sharikat tersebut di-tubohkan.

Kami sempat menemui Awang Mohammad Noh bin Suhaili, sa-orang nelayan yang telah dapat membuat penjualan yang paling tinggi pada tahun lepas.

"Pendapatan keseluruhan yang saya perolehi pada tahun lepas ada-lah $37,291.85 dan sharikat ini telah memberikan wang incentive sabanyak $1,118.75. Pemberian ini ada-lah merupakan satu dorongan besar yang diberikan oleh sharikat kerjasama ini kapada kami semua dan keadaan yang kami rasakan setelah memasoki sharikat ini adalah lebeh baik dan jauh beza-nya jika di-bandingkan semasa bekerja dengan taukeh2 dulu," tambah Awang Mohammad Noh.



BEKERJA sa-bagai sa-orang nelayan boleh menjamin kehidupan sa-seorang. Keharmonian berkeluarga jelas terbayang di-wajah Awang Mohammad Noh dan tiga di-antara anak2-nya.

Awang Mohammad Noh, ayah kapada lima orang anak ini tinggal di-sa-buah rumah yang sederhana besar-nya dan di-lengkapi dengan alat2 perabot yang moden di-Sungai Teraban.

Kini beliau mempunyai sa-buah perahu dan di-lengkapi dengan dua buah enjen sangkut.

Sharikat kerjasama ini, walau bagaimana pun, tidak lari daripada menghadapi masaalah2. "Kami terpaksa membelanjakan kira2 $1,000 sa-bulan untok pembelian2 ayer batu dan keadaan ini tidak akan berterusan seandai-nya kami mempunyai kilang ayer batu kami sendiri," kata Awg Kassim bin Dollah, Setiausaha sharikat tersebut.

Ranchangan2 telah pun di-buat oleh sharikat kerjasama ini untok membangun sa-buah kilang pembuat ayer batu mereka sendiri dan pada ketika ini mereka terpaksa membeli-nya daripada pembekal-pembekal di-daerah ini.

Sharikat tersebut telah melantek salah sa-orang daripada ahli2-nya, Awg Ahmad Ali, 50 tahun, sebagai pemegang amanah-nya. Beliau menerima alaun bulanan sa-banyak $200 sa-bulan dan bagi kerja2 menjual ikan beliau di-bayar sa-banyak $80 sa-bulan.



SEGALA tangkapan di-jual kapada sharikat. Pembayaran di-buat sa-tiap petang sa-telah selesai jualan.



PERAHU2 nelayan di-Kampong Sungai Teraban.

# PERANAN JABATAN2 PENGANGKUTAN DAN PERHUBONGAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA

Oleh : JAHRI ABDUL LATIF

PERANAN Jabatan2 Pengangkutan dan Perhubongan dewasa ini sangat penting terutama pada melengkapkan dan memperbaiki sistem perhubongan yang lebeh effecient sa-bagai struktur persediaan negara menempohi kemerdekaan yang pasti wujud di-akhir tahun 1983.

Aspek pentadbiran tidak akan maju atau kurang bergerak dengan pesat-nya tanpa ada-nya sistem komunikasi yang effecient dan lengkap untok mensejajarkan perkembangan dan kemajuan dalam bidang ekonomi dan politik. Justru itu peranan Jabatan2 Pengangkutan dan Perhubongan ada-lah merupakan infrastruktur pembangunan yang utama menggerakkan perkhidmatan2 dalam negeri dan antarabangsa.

Inisiatif Jabatan Pengangkutan dan perhubongan menganjorkan pameran 'Carrier Structure' jabatan-jabatan berkenaan telah memperlihatkan disiplin yang baik dalam hubongan dan kerjasama yang erat antara Jabatan2 Pengangkutan Darat, Pos, Talikom, Penerbangan Awam, Laut dan Pelabohan dari segi sosial dan kebajikan.

## PERKHIDMATAN POS

Perkhidmatan Pos Kerajaan mula di-tubohkan dalam tahun 1906 dengan terlantek-nya sa-orang British Residen di-Brunei. Dari detik itu Brunei diterima menjadi ahli Persatuan Pos Negara2 Selat tetapi hanya pada tahun 1916 baru-lah Brunei menganggotai Persatuan Pos Sa-Dunia.

Penubohan chawangan pejabat2 pos di-Belait, Tutong, Temburong dan Muara bermula pada tahun 1908.

Kepesatan perkembangan perkhidmatan pos sekarang sangat ketara jika di-teliti dari waktu wujud-nya perkhidmatan tersebut tiga suku abad yang lalu mengikut perangkaan surat menyurat, bungkusan2 dan barang2 yang di-kendalikan pada tahun 1906 hanya berjumlah 575 (dalam masa 3 bulan) berbanding dengan tahun lalu (1979) perangkaan menunjokkan — urusan dalam negeri 1,247,582; mel udara 1,618,316; mel laut 32,982 dan surat berdaftar 292,268.

## PERKHIDMATAN TALIKOM

Perkhidmatan Talikom merangkomi perkhidmatan-perkhidmatan talipon, taligeram dan teleks. Ibu2 sawat talipon yang terdapat di-negeri ini ada-lah yang termoden di-Asia Tenggara berasaskan kapada penggunaan Kawalan Komputer (Computer Control). Lapan puloh lima peratus talipon2 dalam sistem ini di-hubongkan kapada ibu2 sawat moden.

Ibu2 sawat kechil yang di-panggil Private Automatic Branch Exchange (PABX) di-gunakan untok membekalkan perkhidmatan kapada pejabat2 dan gedong2 besar untok membolehkan pengguna2 berhubong sa-sama mereka dalam bangunan yang sama. Alat2 yang digunakan oleh PABX terdapat dua jenis ia-itu electromechanical dan letronik dan PABX ini hanya dapat mengendalikan perkhidmatan antara 25 hingga 400 talian.

Ibu2 sawat talipon dan teleks antarabangsa juga ada-lah yang termoden. Ka-Malaysia hanya melalui hubongan2 radio biasa tetapi lain2 negara di-dunia termasok Hong Kong, Singapura dan United Kingdom menerusi Steshen Satelit Bumi di-Telisai.

Keupayaan ibu2 sawat talipon di-Brunei telah pun berkembang tiga kali ganda dalam tempoh dua belas bulan yang lalu dan sekarang terdapat lima kali lebeh banyak liter2 antarabangsa dari tahun lepas.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terpaksa memperuntokkan perbelanjaan yang begitu besar untok memenohi kepesatan perkhidmatan talikom dan untok tahun kemerdekaan sahaja $87 juta di-jangka akan dibelanjakan.

## JABATAN LAUT

Jabatan ini kini mempunyai lapan buah kapal kerajaan ia-itu Bolkiah, Muara, Pemancha, Lela Menchanai, Pretty, Balangkas dan Kanawai. Dan beberapa buah di-antara-nya yang mengendalikan perjalanan tetap sa-banyak enam kali saminggu antara Bandar Seri Begawan dan Labuan. Pada tahun lalu sa-buah kapal baru bernama Seri Kuala telah di-beli oleh kerajaan bagi menambah keperluan2 perkhidmatan yang semakin meningkat.

Bagi memudahkan perjalanan kapal2 yang belayar di-Telok Brunei pehak Jabatan Laut telah mengadakan tiga buah rumah api (Light House) di-Pulau Chermin, Pulau Pilong2an dan Ujong Sapoh. Rumah api tersebut boleh memberikan isharat tiap2 dua saat antara jarak tiga batu.

## PENERBANGAN AWAM

Sejak Sharikat Penerbangan Kebangsaan di-ambil aleh oleh pehak Kerajaan Brunei nama penerbangan itu telah bertukar kapada Sharikat Penerbangan Diraja Brunei pada tahun 1978. Sa-belum itu, pada tahun 1975 Kerajaan Brunei telah pun membeli dua buah kapal terbang jenis Boeing 737 — 200 dari Sharikat Boeing Aircraft Corporation of Seattle Amerika Sharikat.

Diraja Brunei sekarang ini mengadakan perjalanan penerbangan kaenam buah negeri jiran iaitu Singapura, Kota Kinabalu, Kuching, Hong Kong, Manila dan Bangkok.

Penerbangan RBA yang terakhir menchatetkan masa sa-banyak 4000 jam pada pertengahan tahun 1979/1980 dengan jumlah penumpang 110,000 orang.

Bagi mendapatkan anak2 tempatan yang mahir dan berpengalaman, Diraja Brunei kini telah menghantar 6 orang raayat Kebawah DYMM untok menjalani kursus empat tahun sa-bagai Apparentis Kejuruteraan Kapal Terbang dengan Britannia Airways di-Luton England.

Menyentoh mutu landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ada-lah merupakan yang terpanjang dan terbaik dirantau Asia. Penyelenggaraan membena taxiway, tempat perhentian kapal terbang yang besar dan pengubah-suaian terminal bagi kemudahan perkhidmatan penumpang2 dan kargo kini sedang dalam perlaksanaan.

Bahagian Kaji Chuacha pula pada masa ini telah pun menggunakan peralatan-peralatan yang sophistikited yang boleh memberikan maklumat2 mengenai dengan ramalan chuacha bagi radio dan talivishen dengan menggunakan sistem radar.

## PENGANGKUTAN DARAT

Taraf kemajuan jalan raya yang sa-makin meningkat menjadikan jumlah kenderaan juga bertambah tinggi dari satahun ka-setahun. Jika dibandingkan pada tahun 1965 kenderaan awam bilangan-nya 8,265 buah tetapi dalam masa 15 tahun jumlah-nya telah menchapai ka-angka 55,000 buah; kereta2 kerajaan (BG) berjumlah 4,100 (1980); kereta2 perkhidmatan awam saperti bas dan teksi berjumlah 413 buah sementara perangkaan lesen memandu yang telah di-keluarkan oleh Jabatan Kenderaan Darat sa-banyak 55,000.

Jenis2 kenderaan berat yang terdapat di-negeri ini juga bertambah. Kenderaan saperti ini termasok-lah jenis2 Mobile Crane; Prime Mover; Tipper Truck; Garbage Truck, Mobile Mixer dan kereta Terela tangki minyak.



MODEL pemandangan di-dalam 'Cockpit' — atau pun bilek juruterbang salah sa-buah kapal terbang Boeing 737.



JENIS motosikal mini yang di-pamerkan ini memang menarek dan mungkin selesa jika di-pakai tetapi ia-nya sudah menjadi milek peninggalan zaman dan tidak sesuai lagi di-gunakan ketika ini. Ia-nya telah menarek minat pengunjong2 ka-pameran itu. Kelihatan Pemangku Pengarah Perjawatan, Awang Selamat bin Munap di-bawa menyaksikan pameran sa-lepas merasmikan-nya.



SA-BANY9K 16,500 buah talipon terdapat sekarang di-Brunei dan jenis2 talipon itu saperti yang dapat di-lihat dalam gambar ini.



PERALATAN2 moden yang di-gunakan oleh Jabatan Pos masa ini bagi memudahkan perkhidmatan-nya berjalan lanchar.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 15HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 ANIMAL WORLD
5.30 JANA OF THE JUNGLE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 MORK AND MINDY — "Mork's Vacation"
Bila Mork di-hantar untok berchuti ka-dua buah planet, badan-nya di-bumi di-selubongi oleh makhlok2 yang bengis dari planet tersebut.
6.12 AZAN MAGHRIB
6.16 MORK AND MINDY — sambongan
6.30 DR. WHO — "The Talons of Weng Chiang"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
7.28 AZAN ISHA
7.32 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE WAR YEARS
9.40 MID WEEK MOVIE — "Dead On Target"
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 16HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SPIDERMAN
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 SPIDERMAN — sambongan
6.22 OLYMPIC SPORTS



MELISA Manchester akan dapat di-saksikan dalam "The Monte Carlo Show".

6.25 MARI MEMASAK

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 PIRATE
7.26 AZAN ISHA
7.30 THE PIRATE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 WKRP IN CINCINATTI
10.00 TELFORD'S CHANGE (Siri Baru)
10.50 BILLY LIAR
11.20 BIG VALLEY
12.00 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 17HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 BENGKEL KANAK-KANAK HARI RAYA SPECIAL (Ulangan)
5.35 MAGIC PALACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KID POWER
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 KID POWER — sambongan
6.30 MUPPETS

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MONTE CARLO SHOW
7.26 AZAN ISHA
7.30 MONTE CARLO SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 WARISAN
9.00 BENSON
9.30 BIG LEAGUE SOCCER
10.20 HAWAII FIVE 'O'
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 18HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 WACKY RACES
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 WACKY RACES — sambongan
6.30 ANGIE

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FOUNDATION
7.26 AZAN ISHA
7.30 FOUNDATION — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 JEJAK KEMBARA
9.30 PULIS DIRAJA BERHARI RAYA (Ulangan)
10.15 FILEM MELAYU
12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 19HB OKT.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 DON'T JUST SIT THERE
5.30 JABBERJAW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 LITTLE HOUSE ON THE PRAIRIE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TENSPEED AND BROWN SHOE
7.26 AZAN ISHA
7.30 TENSPEED AND BROWN SHOE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 UCHAPAN KHAS
8.40 TAKBIR HARI RAYA HAJI
9.00 BINTANG UNDANGAN
9.50 FOX
10.40 TALES OF THE UNEXPECTED — "Umbrella Man"
Bila matahari terbenam, dan hujan pun turun, maka keluar-lah Umbrella man. Awda tersilap jika awda menyangka ia berniaga payong (umbrella) atau yang sa-umpama-nya.
11.10 TAKBIR HARI RAYA HAJI
11.30 SIARAN TAMAT.



PETER Barkworth sa-bagai Mark Telford dalam siri baru "Telford's Change" bagi menggantikan Garrison's Gorilla.

## ISNIN — 20HB OKT.

PAGI

6.55 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
7.00 SEMBAHYANG HARI RAYA HAJI — Siaran langsong dari Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan, Brunei.
8.00 IRAMA DAKWAH
8.45 HOME BOX OFFICE MAGIC SHOW
10.08 PUSPARAMA
10.45 AIDIL FITRI DI-DUNIA (Ulangan)

PETANG

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 BACHAAN AL-KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.12 SUSUNAN RANCHANGAN
2.15 WALLY GATER LIPPY LION
2.45 HUNDRED HIGHLIGHTS OF RINGING CIRCUS
3.21 BATTLE OF THE PLANETS
4.00 BIG BLUE MARBLE
4.30 KAP KAP UDANG HARI RAYA SPECIAL (Ulangan)
5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 FREEWHEELERS
6.11 AZAN MAGHRIB
6.15 FREEWHEELERS — sambongan
6.30 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS
7.26 AZAN ISHA
7.30 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 DRAMA: "Chahaya"
9.42 ACHARA KEMUNCHAK DARI TANAH SUCHI MEKAH MENGENAI DENGAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI (Terta'alok kapada perubahan)
10.42 PUSPASARI (SBC)
11.32 WARSHIP
12.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 21HB OKT.

PETANG

2.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
2.02 BACHAAN AL-KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
2.12 SUSUNAN RANCHANGAN
2.15 DICK CARVETTA'S HOUSE FOCUS
3.38 TIGA ABDUL
4.03 DINKY DOG
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 BATTLE OF THE PLANETS
5.30 BEWITCHED
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GATHER YOUR DREAMS
6.10 AZAN ISHA
6.14 GATHER YOUR DREAMS — sambongan
6.30 CARTOON

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT — Old Franklyn Broterstone mendapati bahawa ia lebeh banyak mengetahui tentang jenerasi muda dari apa yang di-sangkakan-nya bilamana sa-orang gadis belasan tahun yang melarikan diri Nancy Brown memutuskan untok "menempoh masok" ka-kabin-nya.
7.24 AZAN ISHA
7.28 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 DRAMA: "Terbang Burong Terbang"
9.00 FARDHU HAJI DI-KOTA MEKAH (Terta'alok kapada perubahan)
10.00 SALAM MESRA
10.45 FILEM MELAYU
12.45 SIARAN TAMAT.

# KURSUS TARI-MENARI ANJORAN RTB

RADIO Talivishen Brunei sekali lagi menawarkan satu Kursus Tari-Menari sa-lama 12 minggu berturut2 untok melateh para muda belia sekalian untok persembahan2 di-Talivishen.

Kursus perchuma ini terbuka kapada muda belia lelaki dan perempuan yang berumor 15 tahun ka-atas dan akan di-adakan di-bangunan RTB pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Ada-lah di-harapkan kapada mereka yang terpileh menghadhiri semua latehan2 tanpa gagal. Penari2 yang terbaik akan di-pelawa untok mengambil bahagian di-dalam ranchangan2 persembahan RTB dan akan menerima pembayaran.

Segera rebut-lah peluang ini, dengan mengisikan dan menghantarkan borang permohonan berserta gambar kapada kami tidak lewat dari 31hb Oktober, 1980.

- - - - - - - - - - - - - - - - - POTONG DI-SINI - - - - - - - - - - - - - - - - -

## BORANG UNTOK MENYERTAI KURSUS TARI-MENARI

Guru Tari,

Radio Talivishen Brunei,

Bandar Seri Begawan,

Brunei.

Saya ingin menyertai Kursus Tari Menari anjoran RTB dan bersetuju menghadhiri semua kelas2 menari yang di-adakan.

Nama penoh : ..........................................................................

Alamat penoh : ..........................................................................

No. Kad Pengenalan : ................................................ Warna: ..................................

Tarikh lahir : ........................................................... Umor : ..................................

No. Talipon : ........................... Tinggi (tanpa kasut) ............................. kaki ........................ inchi

* lelaki/perempuan/bujang/kahwin/janda/bekerja/bersekolah/menchari pekerjaan.

Tarikh : ...............................

..........................................
(tanda tangan)

Kebenaran dari Ibu Bapa (jika awda berumor di-bawah 21 tahun)

Saya (nama penoh) : ..........................................................................

No. Kad Pengenalan : ...................................... * Ibu/bapa/abang memberikan kebenaran kapada anak/adek yang saya menyertai Kursus Tari Menari anjoran Radio Talivishen Brunei.

(tanda tangan)
..........................................

(* Sila potong mana2 yang tidak berkenaan).

# Ruangan Mari Memasak minggu ini

KAPADA puan2 khas-nya peminat2 ranchangan mari memasak, dalam siri kedua ini Chegu Aisah akan menyentoh mengenai memasak daging pula, petua2 memileh daging mengikut jenis2 masakan yang akan di-masak, petua2 memotong dan melembutkan masak, daging dan lain2.

Resepi perchubaan minggu ini ia-lah daging masam manis, pada puan2 yang ingin menchuba di-sertakan resepi-nya saperti berikut : —

**DAGING MASAM MANIS**

**Bahan2-nya :**

- 1 kati daging lembu-potong kechil tipis2
- 2-3 sudu besar tepong dan tepong ubi kayu, serbok perasa, garam
- 1 sudu teh serbok kari minyak untok menggoreng.

**Kuah Masam Manis**

- 1 batang lada merah*
- 1 batang lada hitam*
- ½ biji bawang besar*
- 1 hiris halia*
- 1 biji bawang puteh*
- 1 batang daun bawang*

*semua-nya di-hiris halus2.

- 6 sudu besar ayer
- 1 sudu teh tepong jagong
- 1 sudu besar chuka
- 2 sudu besar sos tomato
- 2 sudu besar sos chili
- 2 sudu besar gula
- 1 sudu besar kichap chair
- ½ biji tomato-potong memanjang
- ¼ biji timun—hiris tipis2
- ½ tin nenas dadu
- 1 sudu besar minyak

**Chara membuat-nya :**

1. Chuchi daging dan potong kechil tipis2, ketokan supaya lembut. Gaulkan dengan serbok perasa. Golekkan dalam tepong, yang berchampor serbok kari. Biarkan sebentar.
2. Ayer, tepong jagong, chuka, sos tomato dan chili, gula, kichap dimasokkan ka-dalam mangkok dan kachau rata2.
3. Goreng daging sa-hingga masak kemudian susun di-pinggan hidangan.
4. Panaskan minyak di-dalam periok, goreng bawang puteh sa-hingga garing, keluarkan. Tuangkan bahan2 yang berchampor, lada hijau dan merah, bawang besar dan halia. Biarkan mendideh.
5. Kechilkan api, masokkan nenas, daun bawang dan tomato.
6. Atorkan timun di-keliling daging goreng.
7. Tuangkan sos masam manis di-atas-nya dan di-hidangkan terus. Sos boleh juga di-hidangkan di-mangkok kechil atau di-dalam bekas sos.

intisari RTB minggu ini

## "Telford's Change" ga

## Garrison's Gorillas

TELFORD'S Change munchol bilamana Ma yang sudah merasa jemu dengan ketega tekanan perkerjaan-nya yang begitu "dema International Division of Knight's Bank, ch kembali semula kapada hari2 yang lebeh damai. Dan isteri-nya Sylvia, bosan pula dudokan-nya sekarang, meranchang pula u perlihatkan kebolehan-nya sa-belum terlamb



**JOHN Mills dan Pennifer Hilary dapat di-saksik TALES OF THE UNEXPECTED dengan episod "THE UMBRELLA MAN" pada hari Ahad jam 10.4**




IN this Sunday's programme — 19th October, 1980 at 11.00 a.m. th between two lower secondary schools from Kuala Belait. They are School and Perdana Wazir English School.

Picture shows representatives from St James's (from left) Rusinah hadi, Ivy Ng and Jennifer Liew. Perdana Wazir English School was ed by Maliah Yahaya, Noryah Ibrahim and Angela Chung.

So, don't forget "Battle Of Words" on Sunday 19th October at And the repeat broadcast can be heard at 8.00 the same evening.

Sekolah Ugama Yang Di-kehendaki: (Sambongan)

# SUKATAN PELAJARAN

**1 — Ilmu Islam dan amanah :**

RASULULLAH (sallallahu 'alaihi wassallam) dalam banyak hadith telah mengingatkan umat Islam supaya mengaji (mempelajari) ilmu Islam daripada ulama2 Islam yang ada kebolehan dengan tiada berlengah2. Baginda juga mengingatkan bahawa sifat amanah ada-lah mustahak dan wajib dalam tiap2 pekerjaan bagi tiap2 orang Islam. Sifat tiada amanah atau sifat khianat atau pechah amanah itu suatu dosa besar. Sifat amanah itu akan hilang daripada orang Islam dengan sebab tiada bertakwa dan rosak akhlak atau sebab2 lain.

Sa-bagaimana Rasulullah (s.a.w.) memberi ingatan dalam banyak hadith supaya jangan lengah mengaji ilmu Islam dan jangan chuai dari sifat amanah maka sayugia-lah ada di-tegaskan hal ini dalam sukatan pelajaran ugama Islam.

**Siri ke-49**

**2 — Perkara Nabi 'Isa ('alaihissalam) :**

Kanak2 sekolah selalu di-samarkan dengan cherita2 dongeng mengenai Nabi 'Isa yang berpuncha dari musoh2 Islam. Maka tiada ada peruntokan yang tegas bagi menolak dan menerangkan perkara2 dongeng yang di-lemparkan ka-atas Nabi Allah 'Isa dalam sukatan pelajaran ugama Islam pada hal dongeng2 sa-demikian itu membawa kufur dan keluar dari ugama Islam.

**3 — Pendusta2 mengaku jadi Nabi :**

Selalu di-dengar perkhabaran pendusta2 dan dajjal2 dari sa-masa ka-semasa mengaku menjadi Nabi atau menjadi Mahdi atau menerima wahyu dan tiada ada ketegasan dalam sukatan pelajaran ugama Islam bagi menerangkan kufur atau murtad orang Islam yang menda'awa sasuatu daripada perkara2 itu.

**4 — Perbalahan dalam perkara tawassul dan ziarah kubor :**

Selalu di-dapati ahli bid'ah dan seteru2 Islam membangkitkan perkara2 kechil saperti tawassul dan ziarah kubor dan talqin dan lain2 lagi dari perkara kechil serta khilaf. Maka belum ada dalam sukatan pelajaran ugama Islam satu penerangan bagi menyelamatkan murid-murid dan orang2 awam Islam dari dolak-dalek dalam perkara2 kechil itu.

**5 — 'Aurat**

Perkara menutop 'aurat selalu di-sebut dalam perkara sembahyang sahaja sebab orang Islam bimbang tiada sah ibadat sembahyang dengan tiada menutop 'aurat.

Ada pun menutop 'aurat di-luar sembahyang dan di-hadapan lelaki yang halal nikah itu tiada sangat di-perbual dan di-sebutkan hukum-nya — walau pun hukum-nya sudah di-sebutkan dalam Al-Kor'an, Hadith dan kitab2 Islam serta telah ijma' sahabat2 (radhiallahu 'anhum) mengenai-nya. Tetapi tiada sukatan pelajaran ugama benar2 menerangkan chara2 yang wajib pada pakaian, supaya pakaian, baju, tudong dan kain sarong itu menepati hukum2 dan kehendak2 ajaran Islam.

*(Sila rujok tulisan saya di-ruangan ini beberapa waktu dahulu mengenai perkara 'aurat ini).*

**6 — Chemburu :**

Tiada ada ketegasan dalam sukatan pelajaran ugama Islam pada perkara adab2 perempuan keluar rumah dan adab2 perempuan di-hadapan lelaki ajnabi (asing) yang halal nikah. Adab2 sa-umpama itu ada hubongan-nya dengan masa'alah *dayus* dan *quad* yang berpuncha dari tiada mengindahkan adab2 yang tersebut pada perempuan itu.

Masaalah *dayus* dan *quad* itu jarang di-perchakapkan oleh orang2 Islam, pada hal banyak kali tersebut dalam hadith dan Al-Kor'an samada sa-chara langsong atau tidak dan tersebut dalam kitab2 feqeh.

Allah Ta'ala sangat2 ghairah dan chemburu, dan Rasulullah juga sangat2 ghairah dan chemburu. Begitu juga sahabat2 (radhiallahu 'anhum) dan orang2 *salaf* daripada umat Islam.

Chemburu sa-benar-nya ada-lah sifat orang beriman. Dayus erti-nya sifat tiada chemburu dan tiada ghairah di-atas ahli rumah dan keluarga.

Didekan sekarang chara Eropah. Tiada ada didekan chemburu menurut chara Islam dan sa-tengah2 orang Islam dalam kehidupan keluarga hampir2 tiada chemburu dan ghairah ia-itu membiarkan champor gaul dengan laki2 yang halal nikah. Mereka lebeh hampir kapada sifat *dayus* ia-itu dengan membiar serta memudahkan anak2 dan isteri serta kerabat2 perempuan berchampor gaul yang bebas dengan laki2 yang halal nikah.

Sifat *quad* pula ia-lah sifat membiarkan laki2 dan perempuan membuat fasik saperti berchampor gaul dengan bebas.

*WALLAHU A'ALAM*

(Bersambong)

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti.

**Chemburu sa-benar-nya ada-lah sifat orang beriman. Dayus erti-nya sifat tiada chemburu dan tiada ghairah di-atas ahli rumah dan keluarga.**

# PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI BERMULA PADA 22HB OKT.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama mengumomkan yang pendaftaran bagi menunaikan fardhu Haji bagi tahun 1981 bersamaan dengan 1401 Hijrah akan di-buka mulai 22hb Oktober, 1980 dan akan di-tutop pada 31hb Januari, 1981.

Borang2 permohonan kini boleh di-perolehi pada masa pejabat2 di-buka dari Bahagian Urusan Haji, Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini, Pejabat Hal Ehwal Ugama Kuala Belait, Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Temburong.

Segala permohonan mesti-lah di-hantar dengan lengkap dan sempurna mengikut peratoran2 berikut:—

1) Nama dan alamat serta tarikh lahir hendak-lah mengikut ejaan dan tarikh yang terdapat dalam surat beranak, passport atau kad pengenalan. Surat beranak, passport dan kad pengenalan hendak-lah di-bawa bersama2 semasa mendaftar.

2) Nama Sheikh Haji tempatan dan di-Mekkah hendak-lah di-nyatakan dalam borang pendaftaran, ia-itu salah satu Sheikh yang di-tetapkan (Sheikh Ibrahim Brunei dan Sheikh Ali Yassin Abdlmadjid).

3) Tiga keping gambar passport hendak-lah di-hantar bersama2 dengan borang permohonan.

4) Tiap2 permohonan hendak-lah di-tanda tangani atau di-chap dengan ibu jari kanan pemohon.

5) Pendaftaran akan di-kira mengikut tarikh dan pendaftaran itu di-terima. Borang permohonan yang tidak lengkap mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki tidak akan di-terima.

6) Surat akuan sehat dari Tabib Kerajaan yang membolehkan pergi menunaikan fardhu haji hendak-lah di-perolehi. Borang untok pemereksaan kesihatan akan di-berikan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Haji, Bandar Seri Begawan, Brunei apabila jabatan tersebut mendapat ketetapan tarikh dari pehak yang berkenaan untok memulakan pemereksaan tersebut.

7) Semua pendaftaran yang di-sampaikan dan di-terima tidak-lah semestinya orang yang mendaftar itu di-layani, bahkan ada-lah tertaalok kapada peratoran2 yang di-tentukan atau yang akan di-tetapkan dari semasa ka-semasa.

8) Borang2 permohonan yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Urusan Haji, Bandar Seri Begawan, atau di-Pejabat2 Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait/Tutong/Temburong di-masa pejabat di-buka.

# BERTAKWA DAN BERAMAL SALEH

BERTAKWA-lah tuan-tuan kapada Allah dengan sebenar2 takwa dengan mengerjakan apa jua titah perintah-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya mudah2an dengan jalan demikian tuan2 akan tetap berbahagia hidup di-dunia dan di-akhirat. Sabenar-nya takwa itu-lah satu2-nya bekal yang paling berharga dan tinggi nilai-nya untok di-bawa ka-alam akhirat. Harta benda, emas perak, wang ringgit, kerbau lembu, ayam itek, rumah2, sawah ladang dan sebagai-nya yang kita mileki dan kita sukai di-dunia semua-nya itu tidak akan di-bawa mati dan tidak akan dapat menjadi bekalan sewaktu berada di-alam akhirat. Segala-nya itu tidak mungkin dapat menolong kita yang memileki-nya itu dari seksa Allah dan semua-nya tidak ada harga dan nilai-nya di-sisi Allah. Jadi hanya amal saleh dan takwa kapada Allah s.w.t. sahaja-lah yang dapat digunakan sa-bagai bekalan hidup sesudah mati itu nanti.

Firman Allah Ta'ala di-dalam Kor'an surah Al-Baqarah ayat 197 yang bererti: *Dan kamu wahai orang2 mu'min hendak-lah menyediakan bekalan, dan sesunggoh-nya sebaik2 bekalan untok akhirat itu ia-lah khusu', ta'at dan takwa. Maka bertakwa-lah kamu dan takut-lah wahai orang2 yang mempunyai akal fikiran-nya.*

Chara-nya supaya kita di-anggap sa-bagai orang yang bertakwa kapada Allah itu tiada lain melainkan kita wajib memperbanyakan amal saleh dan keta'atan serta kebaktian kapada Allah. Kerana itu kita perlu berlumba2 dalam memperbuat ta'at dan amal saleh serta berchepat2an merebut-nya. Malahan boleh pula berdahulu-dahuluan untok mengusahakan amal saleh tersebut di-mana sahaja tempat dan bila2 masa pun waktu-nya. Pendek-nya asalkan ada kesempatan mengamalkan-nya hendak-lah jangan di-tinggalkan begitu sahaja kerana di-akhirat nanti orang yang banyak melakukan amal saleh itu, tiba2 dengan begitu sahaja di-tinggalkan maka ia pasti akan menyesal dan merasa rugi di-akhirat.

Firman Allah Ta'ala dalam Kor'an surah Al-Baqarah ayat 148 yang bermaksud: *Dan bagi satiap orang itu ada kiblat (lapangan untok menchari kebaikan) yang dapat di-hadapi-nya. Maka dari itu berlumba2-lah kamu untok mengerjakan kebaikan2 itu.*



Firman Allah dalam surah Al-Muttafiqin ayat 26 yang bermaksud: *Dan dalam menchari kebaikan itu hendak-lah berlumba-lumba siapa sahaja orang yang suka berlumba2.*

Pendek-nya wahai kaum muslimin, berlumba2 menchari kebaikan dan berdahulu-dahuluan melakukan amal saleh untok menjadi sa-orang yang benar2 bertakwa itu memang di-perintahkan oleh Allah Ta'ala. Tetapi dalam berlumba2 dan berdahulu-dahuluan menchari kebaikan dan melakukan amal saleh itu hendak-lah di-pastikan supaya kita melakukan-nya dengan ikhlas, jangan sampai kita di-hinggapi oleh perasaan riak, takbur dan sombong, kerana jika begitu niat kita pasti-lah segala amalan kita akan jadi sia2.

Berlumba2 mengerjakan kebaikan dan amal saleh itu bukan hanya terletak di-masjid2 atau surau, di-Mekah atau di-Madinah, tetapi meliputi di-mana2 sahaja tempat kita berada samada di-pasar, di-jalan, di-pejabat, di-sawah ladang, di-kebun dan lain2. Chontoh di-pasar ia-lah sewaktu kita berniaga. Jikalau kita melakukan kejujoran dalam berjual beli, tidak menipu, tidak *membuyok* dan kita bersikap ramah tamah dengan pembeli, maka itu pun sudah termasok melakukan kebaikan dan amal saleh. Ini telah di-tegaskan dalam sa-buah hadith Rasulullah s.a.w. sabda Baginda yang bertujuan: *Orang berniaga yang benar kata2-nya serta dapat perchaya itu (di-akhirat) berserta nabi2 dan berserta orang-orang sadiqin dan berserta orang2 yang mati sahid.*

Begitu tinggi kedudokan peniaga yang jujor dan benar sa-hingga akan mendapat tempat bersama nabi2, orang2 sadiqin dan orang2 yang mati sahid di-shorga. Itu hanya sa-bagai satu chontoh betapa penting-nya kita mengerjakan amal saleh dan kebaikan di-mana2 sahaja kita berada.

Oleh yang demikian mari-lah kita sentiasa bertakwa kapada Allah dan mempastikan diri kita sentiasa berkemahuan untok menchari kebaikan dan melakukan amal saleh demi untok menambahkan bekalan kita yang akan berguna bagi menolong kita di-alam akhirat.

## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 15hb Oktober, 1980 hingga ka-hari Selasa 21hb Oktober, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| Hari Bulan | Dzuhor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 15hb Okt | 12.13 | 3.30 | 6.12 | 7.28 | 4.34 | 4.49 | 6.06 |
| 16hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 17hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 18hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 19hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 20hb Okt | 12.12 | 3.30 | 6.11 | 7.26 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |
| 21hb Okt | 12.11 | 3.29 | 6.10 | 7.24 | 4.33 | 4.48 | 6.05 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## Kewajipan manusia kapada Allah

O Bingkisan minggu ini

ALAM yang maha luas ini tidak akan ujud dengan sendiri-nya, apatah lagi bergerak dan berjalan dengan peratoran2-nya yang tetap tiada berubah2 menyalahi antara satu dengan lain. Begitu-lah proses peredaran seluroh chakrawala, bintang-bintang dan plenet2 yang tetap terator, pertukaran siang dan malam, penggantian antara chuacha dan musim, sa-olah2 ibarat sa-buah bahtera yang tetap haluan-nya lantaran memang ada orang yang mengendalikan-nya.

Demikian-lah hakikat ujud-nya Allah bagi kita orang2 yang beriman, Dia-lah sebenar-nya kuasa dan pengendali agong yang tiada tolok banding-nya sa-hingga perjalanan alam yang begitu rupa terator, tersusun tanpa chachat chela yang boleh mendatangkan kerosakan-nya. Maka kita sa-bagai hamba-Nya wajib-lah menyintai-Nya, menjunjong tinggi dan berterima kaseh kapada-nya. Dengan kudrat-Nya Dia-lah yang memberi apa yang ada pada kita dari kewujudan dan kekuatan serta Dia ada-lah dzat yang tidak ada batas kesempurnaan-nya.

Tiap2 manusia menurut fitrah-nya berasa rindu kapada Allah, Tuhan-nya, kerana mengharap pertolongan waktu di-dalam kesulitan dan kesusahan dan mendo'a kapada-Nya agar melepaskan keburokan, dan kita bila berlindong kapada-Nya akan mendapat keringanan daripada Musibah yang datang, dan seterus-nya mendapat semangat untok bekerja dan sanggup berkorban bila di-perlukan.

Di-atas keperluan dan kechintaan Manusia kapada Allah, maka bekas CHINTA itu ada-lah IBADAH, yang mana bentok-nya ada-lah bermacham2 dan Ibadah itu sebaik2-nya hendak-lah di-lakukan dengan KECHINTAAN, KEIKHLASAN dan KETAATAN yang luhor dan kalau-lah tidak di-lakukan begitu, maka ia-nya hanya-lah satu gerak, gambaran dan bentok semata2 yang tidak ada ROH-nya.

Sebaik2 chara kita berterima kaseh kapada Allah ia-lah tundok kapada peratoran2 akhlak dan berbuat menurut peratoran-nya, kerana Allah menchipta alam ini ada-lah berhubongan dengan sifat jujor, adil dan sebagai-nya dan menjadikan kerosakan-nya berhubongan juga dengan sebalek-nya. Dengan ini Allah lalu memberi perintah apa yang menyampaikan kebahagiaan dan menchegah apa yang menarek kesengsaraan. Dan hal-hal yang menyampaikan kebahagiaan ia-lah juga peratoran2 akhlak. Maka barangsiapa menyalahi-nya bererti dia telah durhaka kapada perintah-perintah Allah dan memungkiri akan kenikmatan-nya, dan siapa yang mentaati-nya ada-lah bererti semata-mata taat akan perintah Allah dan menunaikan kewajiban-nya.

Apabila hati kita sudah penoh yakin bahawa peratoran2 akhlak itu ada-lah perintah2 Allah, neschaya akan timbul perbuatan2 dengan kekuatan yang menjadikan lebeh kuat pengaroh dan menjadikan lebeh banyak guna-nya. Oleh kerana itu, banyak orang2 yang berjuang untok kemenangan, kebenaran dan akan berpegang tegoh di-atas pendirian-nya atau pun mengorbankan diri-nya untok KEUTAMAAN, mereka penoh dengan keyakinan kapada Allah yang wajib di-taati, dan penoh semangat untok mengejar keredhaan Allah dan rindu akan bertemu Allah. Itu-lah kewajiban sa-orang Manusia kapada Allah yang telah menchipta-nya di-dalam maya ini.

## Sambutan Tahun Hijrah 1401 di-seluroh negeri

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perayaan menyambut Tahun Hijrah 1401 akan di-adakan serentak di-seluroh negeri pada hari Sabtu 8hb. Nobember 1980 depan.

Ini telah di-putuskan di-satu mashuarat yang telah di-adakan di-Bilek Mashuarat Majlis Ugama Islam, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini pada hari Selasa 30hb. septem-ber yang lalu.

Mashuarat tersebut telah di-pengerusikan oleh Awg Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan telah di-hadhiri oleh 21 orang pegawai2 kanan kerajaan.

Awang Haji Yahya berkata bahawa sambutan tersebut di-adakan adalah sa-bagai 'follow up' kapada sambutan Kedatangan Tahun Hijrah 1400 yang di-adakan pada tahun lalu.

Mashuarat pada hari itu juga telah bersetuju melantek Ahli2 Jawatankuasa Tertinggi bagi mengelolakan perayaan tersebut yang terdiri dari pegawai-pegawai kanan kerajaan.

### AHLI2 JAWATANKUASA

Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa di-lantek selaku Penaong sementara Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Mufti Kerajaan Brunei, di-lantek selaku penasehat.

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain kedua2-nya di-lantek sa-bagai Pengerusi Bersama.

Setiausaha ia-lah Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim sementara Penolong Setiausaha terdiri dari Setia Usaha JHEU dan Ketua Pegawai Pelajaran Ugama.

Pegawai2 Daerah di-keempat2 daerah telah di-lantek selaku Pengerusi Jawatankuasa Daerah di-samping itu sa-ramai 17 orang ahli2 jawatankuasa kerja bagi menyelenggarakan perayaan itu juga telah di-lantek.

### RANCHANGAN2 YANG DI-ATOR

Antara ranchangan-ranchangan yang telah di-persetujui dalam mashuarat pada hari itu termasok-lah Pameran2 Gambar dan bahan2 sambutan Tahun Hijrah 1400, Majlis2 cheramah Ugama di-Radio dan Talivishen, Seminar untok Penghulu2 dan Ketua-Ketua Kampong, Khemah Kerja Belia, lawatan Siswazah ka-Temburong dan lawatan ka-Rumah Sakit serta berbagai-bagai lagi ranchangan yang berchorak ugama.

BELIA DAN SOKAN

# SHABAS 'A' JUARA BOLASEPAK TUJOH ORANG SA-PASOKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan bolasepak SHABAS 'A' dari Kampong Peramu telah munchol sa-bagai juara dalam perlawanan bolasepak tujoh orang sapasokan sa-telah berjaya menewaskan Pasokan IKLAS A dengan jaringan satu gol kosong.

Perlawanan tersebut telah di-langsongkan di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari Ahad 5hb. Oktober 1980 yang lalu.

Perlawanan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun itu di-anjorkan oleh Persatuan PERKASA.

Sa-banyak 33 buah pasokan yang terdiri dari persatuan2 belia, kelab2 dan kampong2 di-sekitar Kampong Ayer yang berumor 20 tahun kebawah telah menyertai-nya. Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada dua kumpolan ia-itu kumpolan Satu terdiri dari 17 buah pasokan dan kumpolan Dua mengandongi 16 buah pasokan.

Sa-orang juruchakap perlawanan itu ketika di-temui oleh Pelita Brunei menjelaskan bahawa pertandingan tersebut di-anjorkan ada-lah bertujuan untok meninggikan taraf permainan bolasepak bagi pendudok2 yang tinggal di-sekitar Kampong Ayer di-samping sa-bagai salah satu achara bagi meraikan lagi ulang Tahun Baginda Yang Dipertuan kali ke-34 tahun.

Beliau menambah perlawanan itu di-anjorkan oleh Persatuan PERKASA buat kali yang kedua dan ia-nya akan di-jadikan sabagai projek tahunan bagi persatuan itu.

Menyentoh mengenai dengan sambutan perlawanan, beliau sa-terusnya menjelaskan bahawa pertandingan tahun ini mendapat sambutan yang menggalakan dari kalangan belia2 di-Kampong Ayer dan berharap supaya lebeh ramai lagi persatuan-persatuan belia dan kampong2 akan menyertai-nya di-masa2 yang akan datang.

Hadiah2 kapada pemenang-pemenang di-akhir pertandingan telah di-sampaikan oleh Penasehat persatuan itu, Awang Haji Abd. Latif bin Muhammad.



KELIHATAN Penasehat Persatuan Perkasa, Awang Haji Abd Latif menyampaikan hadiah kapada Pengurus pasokan Shabas A. Sementara gambar bawah kelihatan pemain2 pasokan Shabas A bergambar ramai beserta dengan piala yang mereka menangi.



## Kursus j-lateh bolasepak

GADONG. — Kursus permulaan jurulateh bolasepak bagi guru-guru pendidekan jasmani, Jabatan Pelajaran telah di-langsongkan di-Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong pada hari Khamis minggu lalu.

Kursus yang di-anjorkan oleh Bahagian Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran itu di-adakan salama sa-minggu dan di-sertai oleh sa-ramai 16 orang guru pendidekan jasmani di-seluroh negeri.

Antara lain tujuan kursus itu ia-lah untok memberikan latehan2 yang terator dan sistematik sachara praktikal dan teori di-samping untok meninggikan lagi taraf guru2 pendidekan jasmani dalam bidang bolasepak.

## Brunei I jadi juara

TUTONG. — Gabongan sekolah2 rendah Daerah Brunei I telah munchol sabagai johan dalam perlawanan bolasepak di-bawah umor 13 tahun antara sekolah2 rendah sa-negeri yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong di-sini pada hari Selasa yang lepas.

Dalam perlawanan itu, sekolah Brunei I telah mengalahkan champoran sekolah rendah Tutong dengan jaringan satu gol tidak berbalas. Gol tersebut telah di-jaringkan dalam separoh masa kedua.

Perlawanan yang di-anjorkan oleh Bahagian Pendidekan Jasmani, Jabatan Pelajaran itu telah di-mulakan pada awal bulan lalu. Sa-banyak 10 buah pasokan telah mengambil bahagian.

Sa-orang juruchakap dari Bahagian Pendidekan Jasmani ketika di-hubongi baru2 ini menjelaskan bahawa perlawanan tersebut ada-lah bagi merebut piala sumbangan Awang Ali-Akbar bin Abu Bakar, bekas Pegawai Pentadbir, Jabatan Pelajaran.

Perlawanan itu di-anjorkan berhasrat untok menarek murid terutama sekali murid2 yang berumor di-bawah 13 tahun supaya bergiat di-bidang sokan di-samping untok meninggikan taraf permainan bolasepak di-negeri ini.

Hadiah2 kapada pemenang-pemenang di-akhir pertandingan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datu Hulubalang Awang Haji Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar.

Sementara itu perlawanan yang sama bagi penuntut2 sekolah menengah yang berumor 16 tahun kebawah perengkat sa-negeri juga telah di-langsongkan bertempat di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim pada petang semalam.

Perlawanan itu ia-lah di-antara champoran sekolah menengah Brunei II berlawan dengan champoran sekolah menengah, Tutong. Dan ia-nya di-pertandingkan ada-lah bagi merebut piala sumbangan Awang Haji Salleh bin Haji Hidup, bekas Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Perlawanan2 itu ada-lah merupakan sa-bahagian daripada projek tahunan Jabatan Pelajaran.

## Perlawanan di-tunda kpd 19hb Okt.

TUTONG. — Perlawanan bolasepak tujoh orang sapasokan anjoran Persatuan Melayu Keriam, Tutong (PESAKA) akan di-adakan pada hari Ahad 19hb. Oktober ini bertempat di-Padang Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-sini mulai jam 8.00 pagi.

Perlawanan yang hanya terbuka kapada pendudok-pendudok di-Daerah Tutong itu ada-lah sempena Sambutan Hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Perlawanan itu sepatutnya telah di-jalankan pada 12hb Oktober lepas tetapi oleh kerana sasuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan ia-nya di-tunda hingga hari Ahad depan.

## Lumba basikal jarak jauh:

# Sarawak hantar empat peserta

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sarawak di-jangka akan menghantar empat orang peserta kaperlumbaan Basikal jarak jauh dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan yang akan di-adakan pada hari Ahad 9hb. Nobember depan.

Peserta2 Sarawak itu terdiri dari johan perseorangan perlumbaan tahun lalu, Awang Zainal Abidin, Lee Nyon Phin, Awang Shafie Kassim dan Goh Siew Sin.

Demikian telah di-nyatakan oleh Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu, Setiausaha Agong Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei kapada Pelita Brunei baru2 ini.

Beliau menambah bahawa pelumba2 dari Sarawak itu telah di-pileh oleh Persatuan Lumba Basikal Sarawak (PLBS) dan pada masa ini mereka sedang menjalani latehan yang intensif di-bawah bimbingan persatuan itu.

Kata-nya, dalam kejohanan tahun lalu, Peserta Sarawak ia-itu Awang Zainal Abidin telah munchol sa-bagai juara perseorangan sementara mendudoki tempat ketiga dalam achara berpasokan.

Dengan penyertaan peserta-peserta dari Sarawak ini, tambah-nya lagi sudah tentu akan memeriahkan lagi kejohanan pada tahun ini dan persaingan hebat tentu-nya berlaku di-antara pelumba2 tempatan kita dengan pelumba2 dari Sarawak yang sudah memang terkenal di-arena lumba basikal antarabangsa.

Untok memberikan tentangan yang hebat kapada pelumba2 Sarawak itu, Pengiran Haji Mohammad menyarankan pelumba2 tempatan supaya berlateh dengan giat. Dengan usaha yang sa-demikian itu sahaja-lah baharu kita dapat menyaingi pasokan sa-umpama itu.

Perlumbaan yang di-kelolakan oleh Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei itu di-adakan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Perlumbaan tahun ini akan di-jalankan sa-jauh 74 batu berbanding dengan tahun lepas yang hanya sa-jauh 72 batu ia-itu dari Kuala Belait ka-Bandar Seri Begawan.

Perlumbaan pada tahun ini, akan di-bahagikan kapada dua bahagian ia-itu bahagian perseorangan dan berpasokan (empat orang sa-pasokan).

Sementara itu Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei mengumomkan bahawa borang2 pendaftaran serta butir2 lanjut mengenai dengan perlumbaan itu boleh di-dapati dari Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Brunei; Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim, Pejabat Penerangan, Tutong; Awang Ibrahim bin Haji Jalil, Pejabat Kemajuan Kerjasama, Kuala Belait atau Awang Ismail bin Apong, Pejabat Kebajikan Belia dan Sokan, Belait dan Awang Yusof bin Haji Mesir, Pejabat Letrik, Temburong.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-hantar kapada nama2 berkenaan tidak lewat dari hari Isnin 3hb. Nobember, 1980.

## Bolasepak antara mukim DBM.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mukim Sungai Kedayan akan bertemu dengan Mukim Serasa ia-itu bagi kumpolan B dalam perlawanan bolasepak antara Mukim2 Daerah Brunei dan Muara yang akan di-langsongkan di-Padang Besar di-ibu negeri di-sini pada hari ini mulai jam 4.30 petang.

Pada hari Sabtu 18hb. Oktober ini, pasokan dari kumpolan A ia-itu Mukim Gadong akan bertemu dengan Mukim Saba dan pada 20hb. Oktober ini pula, pasokan Mukim Berakas akan berlawan dengan Mukim Serasa. Kedua2 perlawanan itu akan di-langsongkan di-Padang Besar mulai jam 4.30 petang.

Perlawanan itu di-anjorkan sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Sa-orang juruchakap penganjor perlawanan itu berkata, bahawa perlawanan bolasepak bagi Mukim2 di-daerah ini di-bahagikan kapada dua kumpolan ia-itu kumpolan A dan Kumpolan B.

Kumpolan A terdiri dari Mukim Sengkurong, Gadong dan Saba sementara Kumpolan B mengandongi Mukim Sungai Kedayan, Serasa dan Berakas.

Perlawanan akhir, di-jangka akan di-adakan pada akhir bulan ini.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $500.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sejak menjalani latehan asas sa-bagai rekrut :
   'B' — $545.00, alaon permakanan $186.00 jumlah $731.00
   'A' — $565.00, alaon permakanan $186.00 jumlah $751.00
   'X' — $625.00, alaon permakanan $186.00 jumlah $811.00
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaon2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaon menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri.





## Sa-bagai Pertukangan Jurutera Ahli Bomba dan Pancharagam

### SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penoh $500.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00, alaon chatuan $186.00 jumlah $731.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sejak menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaon2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui radio dan talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 5hb Januari 1981.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..........................................

No. Kad Pengenalan : .................... Warna : ....................

Tarikh lahir : .................... Tempat lahir : ....................

Alamat : ..........................................

..........................................

Nama Warith : ..........................................

Hubongan : ....................No. Kad Pengenalan : ....................

Alamat Warith : ..........................................

Nama Sekolah : ..........................................

Tingkatan : ....................

Kelulusan : ..........................................

Kerjaya yang di-pileh : ..........................................

No. Talipon : ....................

Tarikh : .................... ....................

Tanda Tangan

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI VISION MIXER DI-RADIO TALIVISHEN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Vision Mixer di-Radio Talivishen, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

